



Headline: Pesara kerajaan rugi diperdaya sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 5 January 2019

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 17

Pesara kerajaan rugi diperdaya sindiket Macau Scam

KUANTAN - Gara-gara terpedaya dengan tipu helah anggota sindiket Macau Scam, seorang pesara kerajaan rugi RM10,000, di sini semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, anggota sindiket terbabit mendakwa mangsa terlibat dalam jenayah judi dalam talian.

Menurutnya, wanita berusia 60 tahun itu menerima panggilan daripada seorang lelaki yang mendakwa talian telefon digunakannya akan ditamatkan perkhidmatan kerana terbabit dalam jenayah perjudian.

Katanya, mangsa diminta memindahkan kesemua wang simpanannya ke dalam satu akaun yang diberikan oleh sus-

pek untuk tujuan siasatan polis.

"Pada hari sama, mangsa membuat pindahan wang RM10,000 ke dalam akaun berkenaan di sebuah bank di Mentakab, Temerloh," katanya, di sini semalam.

Bagaimanapun katanya, suspek masih lagi meminta mangsa menambah bayaran.

"Mangsa berasa dirinya ditipu dan segera membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh semalam," katanya.

Mohd Wazir berkata, modus operandi suspek adalah dengan menyamar sebagai pegawai polis dan menawarkan bantuan kepada mangsa sehingga mendorongnya memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun suspek.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.